

56 peserta Program Felo Perdana diminta pameran prestasi cemerlang

PM harap peserta timba pengalaman dengan menteri sebagai persediaan pemimpin masa depan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap semua peserta Program Felo Perdana yang ditugaskan bersama Menteri Kabinet masing-masing dapat mempamerkan prestasi cemerlang sebagai pemimpin masa depan.

Menerusi program terbabit, Perdana Menteri berkata, semua felo diberi pendedahan bukan sahaja mengenai menteri, malah cara kerja, tradisi serta budaya dalam kerajaan.

“(Program ini) memberi ruang mereka (felo) lebih faham berhubung dasar (kerajaan) dan saya percaya mereka akan mendapat menimba pengalaman yang sangat penting.

“Mudah-mudahan menerusi program ini, mereka dapat menunjukkan prestasi cemerlang



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadiilah Yusof; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Zuki Mohd Ali pada Majlis Penyerahan Program Felo Perdana 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan memanfaatkan sepenuhnya sebagai persiapan pemimpin masa depan,” katanya majlis penyerahan Felo Perdana di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Bagi edisi tahun ini, seramai 56 felo terpilih untuk mengikuti latihan kepemimpinan bermula hari ini sehingga 31 Disember ini.

Semua felo terbabit akan menerima elaun bulanan sebanyak RM2,000 seorang bagi graduan

lepasan universiti dan RM1,000 bagi mahasiswa yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi.

PM terima dua felo

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menerima dua felo iaitu Dayang Nur Syazwanie Abang Redzuan dan Muhamad Firdaus Ali.

Dayang Nur Syazwanie adalah graduan dari Sekolah Politik dan

Sains Sosial Eropah dengan pengkhususan dalam Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Ekonomi dan Pengurusan Perhubungan Antarabangsa, manakala Muhamad Firdaus masih menuntut di Universiti Shiga dengan pengkhususan Ijazah Sarjana Ekonomi.

Program Felo Perdana diperkenalkan pada 2013 adalah program berbentuk mentor dan latihan industri dengan matlamat

melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang relevan berkaitan sistem pentadbiran negara.

Melalui program itu, felo akan mendapat bimbingan dan membina pengalaman berkhidmat secara terus dengan Menteri Kabinet serta Ketua Setiausaha Negara. Sejak 2013, seramai 763 felo terpilih untuk mengikut program berkenaan.